

BAB 8 Penduduk di Malaysia

Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
3.1 Penduduk di Malaysia		3.1.1 Menjelaskan dengan contoh taburan penduduk di Malaysia		Buku Teks m.s 88-89	Soalan 1 Soalan 2 Soalan 3 TP1 TP2	69
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, peta Malaysia		Share N Turn		Menganalisis		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian global		–		Bertanggungjawab, rasional		
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan kepada murid tentang maksud taburan penduduk. 2. Guru berbincang dengan murid tentang taburan penduduk di Malaysia. 3. Guru menerangkan tentang jenis-jenis taburan penduduk yang terdapat di Malaysia. 4. Guru menunjukkan peta taburan penduduk di Malaysia. 5. Guru menjelaskan kepada murid formula untuk mengira kepadatan penduduk. 6. Murid menjawab soalan 1, soalan 2 dan soalan 3 dalam buku Power Up Geografi halaman 69. 7. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan. 8. Setiap murid perlu menulis satu kawasan berpenduduk padat, satu kawasan berpenduduk sederhana dan satu kawasan berpenduduk jarang. 9. Kertas ditukarkan secara bergilir-gilir antara ahli kumpulan: - A ke B - B ke C - C ke D - D ke A 10. Setiap murid akan mendapat semula kertas masing-masing yang mengandungi 4 kawasan bagi setiap jenis taburan penduduk.						
Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
3.1 Penduduk di Malaysia		3.1.2 Membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia		Buku Teks m.s 90-92	Soalan 4 Soalan 5 Soalan 6 TP3 TP4 TP5	70-71
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, peta Malaysia		Travelling File		Menganalisis		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		Peta pokok		Bekerjasama, bertanggungjawab		
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan kepada murid tentang faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia. 2. Guru berbincang tentang faktor yang mempengaruhi taburan penduduk dan meminta murid memberi contoh kawasan yang dikaitkan dengan faktor tersebut. 3. Murid menjawab soalan 4, soalan 5 dan soalan 6 dalam buku Power Up Geografi halaman 70 dan 71. 4. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan. 5. Setiap kumpulan dibekalkan satu fail yang di dalamnya terdapat satu kawasan. 6. Murid berbincang tentang faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di kawasan tersebut. 7. Selepas 10 hingga 15 minit, catatan jawapan dimasukkan ke dalam fail dan diedarkan kepada kumpulan lain. 8. Setiap kumpulan yang mendapat fail baharu daripada kumpulan lain dikehendaki membaca jawapan yang terdapat di dalam fail berkenaan sebelum ditambah, dihurai atau disunting. 9. Setelah setiap kumpulan memberikan respons kepada dua <i>Travelling File</i>, jawapan-jawapan tersebut dibincangkan di dalam kelas secara keseluruhan.						

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)						
3.1 Penduduk di Malaysia		3.1.2 Membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia		Buku Teks m.s 90-92	Soalan 7 TP6	72
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, foto kawasan yang berpenduduk padat dan berpenduduk jarang		Roam the Room		Menilai		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Patriotisme, kelestarian alam sekitar		—		Bertanggungjawab		

Cadangan PdPc

1. Guru berbincang bersama murid tentang taburan penduduk di kawasan berbeza, iaitu kawasan bandar dan kawasan luar bandar.

2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.

3. Guru menunjukkan foto taburan penduduk di dua kawasan yang berbeza, iaitu kawasan yang berpenduduk padat (bandar) dan kawasan yang berpenduduk jarang (luar bandar / kampung).



Berpenduduk padat



Berpenduduk jarang

4. Setiap kumpulan membincangkan faktor yang mempengaruhi kepadatan penduduk di kawasan berkenaan.

5. Setiap kumpulan menyediakan infografik bagi menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi kepadatan penduduk di kawasan yang ditunjukkan oleh guru.

6. Hasil kerja yang telah siap dipamerkan di atas meja kumpulan masing-masing.

7. Dengan isyarat guru, murid secara individu bergerak melihat hasil kerja kumpulan lain.

8. Guru memberikan isyarat kedua. Semua murid akan balik ke tempat asal.

9. Murid membuat perkongsian dalam kumpulan berkaitan apa yang telah dipelajarinya daripada kumpulan lain.

10. Murid menjalankan aktiviti (soalan 7) dalam buku Power Up Geografi halaman 72.